

Headline	Swak capai tiga peratus pasaran eksport		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Feb 2012	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	e3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	352 cm <sup>2</sup>
Journalist	NORLIZA TINGGAL	AdValue	RM 1,314
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,942



# S'wak capai tiga peratus pasaran eksport

NORLIZA TINGGAL

KOTA SAMARAHAN, Jumaat — Sarawak mempunyai industri perkapalan yang terbesar di negara ini serta perlu mengambil peluang untuk mengeksploitasi sumber sedia ada memandangkan sumbangan negeri terhadap industri perabot masih kecil.

Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) Haji Hashim Haji Bojet berkata, Sarawak hanya mencapai tiga peratus daripada jumlah pasaran eksport perabot Malaysia yang bernilai RM8 bilion pada tahun lepas.

Katanya, nilai itu akan dapat ditambah sekiranya, industri perabot di Sarawak memanfaatkan kelebihan yang ada pada mereka iaitu dengan mengeksploitasi ukiran perabot yang berbentuk etnik di negeri ini.

"Sarawak merupakan negeri yang mempunyai sumber kayu terbesar di Malaysia perlu mengambil inisiatif untuk menggembelng kekayaan sumber kayu pada aktiviti hiran. Sarawak perlu melihat kelebihan peluang yang sama seperti yang diperolehi oleh rakan mereka di Semenanjung," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media mengenai pelancaran Seminar Pembangunan Industri Perabot Sarawak 2012 Univer-

siti Malaysia Sarwak (UNIMAS) hari ini.

Katanya, jumlah eksport Malaysia dijangka terus meningkat kerana permintaan tinggi di pasaran antarabangsa seperti negara Eropah, Amerika Syarikat, Afrika dan Timur Tengah.

Beliau berkata, Sarawak perlu optimis bahawa industri perabot merupakan satu industri yang berpotensi untuk terus menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara.

"Seramai 400 pengusaha kecil industri perabot di negeri ini dan mereka hanya menghasilkan perabot untuk landskap taman, sekiranya ia dikomersialkan lagi, nescaya ia dapat dikembangkan ke peringkat antarabangsa," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Unit Rekabentuk Perabot Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Abdul Hamid Saleh berkata, FRIM, PUSAKA dan Universiti Malaysia Sarwak (UNIMAS) akan menganjurkan Seminar Pembangunan Industri Perabot Sarawak 2012 di Hotel Riverside Kuching pada 14-16 Februari ini.

Katanya, seminar itu akan dirasmikan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) Dato Douglas Unggah Embas.

"Seminar itu bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran produk perabot khusus (niche) di Srawak

melalui penggunaan sumber kayu serta bahan alternatif dan pemaparan identiti etnik dalam reka bentuk pasaran domestik serta global," ujarnya.

Menurutnya, kira-kira seramai 150 orang peserta hadir dalam seminar itu dan ia akan membincangkan topik mengenai cabaran yang dihadapi industri perabot, kekangan pasaran eksport dan anatarabangsa.

Katanya, seramai 14 pembentang terdiri daripada FRIM, PUSAKA, UNIMAS, Lemabaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dana akan memberi pendedahan mengenai hasil penemuan R&D FRIM termasuk inovasi, penemuan baru serta perkhidmatan teknikal yang ditawarkan.

Pengarah Intitut Rekabentuk dan Inovasi (InDI) UNIMAS, Dr Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman berkata, bersempena dengan pelancaran seminar ini, satu memorandum persefahaman (MOU) akan ditandatangani antara FRIM, STIDC dan UNIMAS untuk bekerjasama dalam bidang reka bentuk dan pembangunan perabot serta penubuhan makmal ujian perabot di Sarawak.

Katanya, ia penting bagi menjamin mutu perabot yang dikeluarkan oleh pengusaha di negeri ini.

"Orang ramai dijemput untuk menyertai seminar secara percuma itu dengan menghubungi talian 082-473000, 03-62797705 atau email ct-emiza2pustaka.gov.my," katanya.

Headline	Swak capai tiga peratus pasaran eksport		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Feb 2012	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	e3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	352 cm <sup>2</sup>
Journalist	NORLIZA TINGGAL	AdValue	RM 1,314
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,942



**KAIN RENTANG** ... Haji Hashim Haji Bojet (tengah) serta Abdul Hamid Saleh (kiri) menunjukkan kain rentang berkenaan Seminar Pembangunan Industri Perabot Sarawak 2012. Turut kelihatan Dr. Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman.